

PENGAJARAN BAHASA ARAB DI MALAYSIA: PERMASALAHAN DAN CABARAN

TEACHING OF ARABIC IN MALAYSIA: PROBLEMS AND CHALLENGES

Abdul Razif Zaini ^{1*}, Noorshamsinar Zakaria ², Hasmadi Hamdan ³, Muhammad Redzaudin Ghazali ⁴, Mohd Rufian Ismail ⁵

¹ Dr, Pensyarah Kanan, Jabatan Pengajian Bahasa & Linguistik Arab, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS. Pengarah Pusat Pendidikan ISESCO di Malaysia. abdulrazif@kuis.edu.my.

² Noorshamsinar Zakaria Pensyarah, Jabatan Fakulti Pendidikan, KUIS. noorshamsinar@kuis.edu.my

³ Hasmadi Hamdan, Ketua Unit Kajian, Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia. hasmadi.hamdan@gmail.com.

⁴ Redzaudin Ghazali, Pensyarah, Jabatan Pengajian Bahasa & Linguistik Arab, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS. redzaudin@kuis.edu.my

⁵ Mohd Rufian Ismail, Pensyarah, Jabatan Pengajian Bahasa & Linguistik Arab, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS. mohdrofian@kuis.edu.my

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 28 Feb 2018 | Selepas Pembetulan: 27 Dis 2018 | Diterima untuk terbit: 15 Mei 2019

Abstrak

Pendidikan Bahasa Arab mempunyai kedudukan yang unik dalam sistem pendidikan di Malaysia. Bahasa Arab merupakan asas dalam pendidikan pondok dan sistem sekolah aliran agama suatu ketika dahulu, namun kini menjadi salah satu matapelajaran dalam arus pendidikan perdana. Dalam usaha memperkasa pendidikan Bahasa Arab di Malaysia, isu permasalahan guru dalam pengajaran bahasa Arab sering kali diperdebatkan. Justeru, kajian ini dijalankan dengan tujuan membincangkan secara terperinci beberapa permasalahan dalam pengajaran bahasa Arab yang dihadapi oleh guru-guru di Malaysia serta cabaran-cabaran yang dihadapi dalam usaha memartabatkan pengajarannya di semua peringkat. Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengumpul dan meneliti maklumat-maklumat berkaitan pendidikan Bahasa Arab menerusi Akta Pendidikan 1996 serta kajian-kajian lampau seperti jurnal, artikel mahupun buku. Dapatan kajian mendapati, permasalahan utama yang dihadapi oleh guru bahasa Arab banyak bertumpu kepada faktor guru, faktor bahan bantu mengajar dan faktor persekitaran. Cabaran pendidikan bahasa Arab di Malaysia pula sangat berkait rapat dengan isu dasar, polisi, status dan kedudukannya dalam Akta Pendidikan 1996 dan ia perlu ditangani dengan baik.

Kata kunci :

Masalah pengajaran bahasa Arab, Cabaran pendidikan bahasa Arab.

Abstract

The Arabic language education has a unique position in the Malaysia education system. Arabic is the core in the pondok institution and the religious schools, but now has become one of the subjects in the primary education system in Malaysia. In an effort to strengthen the Arab language education in Malaysia, the issue of teaching the Arabic language among teachers is often debated. Thus, this study was conducted with the aim to discuss in detail some of the problems in teaching Arabic faced by teachers in Malaysia as well as the challenges faced in efforts to uphold the environments in all levels. This study was conducted using qualitative approach to collect and examine information relating to the Arabic language education through the Education Act 1996 and past studies such as journals, articles and even books. Findings the study found, the main problems faced by teachers of Arabic much related to the fundamental issues, policies and status of Arabic Language in Education Act 1996.

Key words:

Problems of teaching Arabic language, Challenges of Arabic language education.

1. PENDAHULUAN

Isu permasalahan guru dalam pengajaran bahasa Arab sering kali diperdebatkan. Banyak kajian-kajian lalu yang membincangkan isu yang dihadapi oleh para guru dalam menyampaikan pelajaran bahasa Arab kepada pelajar-pelajar. Terdapat pelbagai masalah yang dihadapi oleh guru bahasa Arab di Malaysia dalam menyampaikan pengajaran mereka. Cabaran yang bakal dihadapi oleh guru-guru ini khususnya di abad ke 21 ini juga sangat besar dan perlu ditangani dengan baik.

2. SOROTAN LITERATUR

Bahasa Arab tidak lagi dipelajari oleh pelajar sekolah aliran agama semata-mata, bahkan ditawarkan di pelbagai peringkat pendidikan formal sama ada pada peringkat prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah mahupun kolej dan universiti (Muhammad Sabri, 2015). Isu dan permasalahan dalam pengajaran bahasa Arab bukan suatu perkara yang asing dalam kalangan pendidik dan pengkaji dewasa ini. Namun, senario permasalahan ini bukanlah dilihat sebagai suatu perkara yang negatif. Malah, ia dilihat membuka ruang perbincangan dan percambahan idea dalam menambahbaik sistem pengajaran bahasa Arab di Malaysia khususnya dalam suasana perkembangan bahasa Arab yang dilihat semakin meluas dewasa ini.

Guru merupakan faktor penting dalam menjamin kelangsungan pembelajaran dan pengajaran (PdP) khususnya dalam melahirkan pelajar yang berketerampilan dan berkemahiran dalam bahasa. Guru dianggap elemen yang mampu mengubah lanskap pendidikan Bahasa Arab. Faktor kekurangan masa PdP bahasa Arab dan status bahasa Arab dalam sistem pendidikan di Malaysia menuntut kreativiti dan kemahiran guru yang tinggi bagi menjadikan pembelajaran bahasa Arab lebih berkesan dan bermakna.

2.1 Kedudukan Bahasa Arab Dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan

Bahasa Arab mempunyai kedudukan yang unik dalam konteks masyarakat di Malaysia. Keunikan ini merujuk kepada pemilihannya sebagai bahasa pengantara bagi membawa mesej Islam ke seluruh alam. Selain itu, semua amal ibadah umat Islam mempunyai kaitan langsung dengan penggunaan bahasa Arab (Muhammad Sabri, 2015).

Unik tidak semestinya istimewa. Walaupun bahasa Arab mempunyai kedudukan yang penting dalam masyarakat, namun kedudukannya dalam sistem pendidikan arus perdana masih perlu dibincangkan. Kedudukan Bahasa Arab berbanding bahasa-bahasa lain yang diajar dalam sistem arus perdana wajar diwacanakan.

Bahasa kedua dan bahasa asing merupakan dua terma yang hampir dari sudut takrifannya. Kedua-duanya merujuk kepada bahasa yang dipelajari selepas bahasa ibunda. Namun, penggunaan kedua-dua istilah ini dibezakan dengan persekitaran dan penggunaan bahasa-bahasa tersebut sepertimana dijelaskan oleh Nemati (2011).

Bahasa kedua didefinisikan sebagai bahasa yang diperolehi atau dipelajari selepas bahasa ibunda (Gass & Selinker, 1994). Terma ini juga ditakrifkan sebagai bahasa yang dipelajari selepas bahasa ibunda tanpa mengambil kira pembelajaran bahasa ketiga, keempat dan seterusnya. Manakala bahasa asing pula merujuk kepada bahasa yang dipelajari oleh seseorang selepas bahasa ibunda namun bukan dalam suasana bahasa tersebut (Gass & Selinker, 1994). Terma ini digunakan dalam konteks di mana sesuatu bahasa itu tidak digunakan sebagai bahasa komunikasi atau sebagai medium perantaraan.

Jika kedua-dua takrifan ini dicermati, nyata kedudukan bahasa Arab tidak setaraf bahasa Inggeris, Mandarin dan Tamil. Dalam Akta Pendidikan 1996, bahasa Arab diklasifikasikan setaraf bahasa Jepun, Jerman atau Perancis yang diwartakan sebagai bahasa asing. Maka bahasa-bahasa ini *boleh diadakan jika didapati munasabah dan praktik berbuat sedemikian* (Akta Pendidikan 1996). Kenyataan ini menunjukkan kedudukan Bahasa Arab dalam arus pendidikan perdana, dan jelas mempunyai perbezaan dengan kedudukan bahasa Mandarin dan Tamil.

2.2 Masa Pengajaran Bahasa Arab dalam Sistem Pendidikan bahasa Arab di Malaysia

Status dan kedudukan bahasa Arab dalam Akta Pendidikan 1996 sememangnya memberi kesan tidak langsung kepada beberapa perkara khususnya masa pengajaran. Status bahasa Arab sebagai bahasa asing sudah pasti mempunyai implikasi dari sudut penumpuan. Menurut Akta Pendidikan 1996, bahasa Arab sebagai bahasa asing *boleh diadakan jika didapati munasabah dan praktik berbuat sedemikian*. Pelajar tidak diwajibkan mengambilnya dan tidak diwajibkan lulus dalam peperiksaan (Awatif et.al, 2017).

Dari sudut pelaksanaan, tempoh anggaran pembelajaran dalam jangkamasa 12 tahun dan ke atas, adalah 1401 jam (Rendah Kebangsaan [360 jam] + SMKA/KAA [700 jam] + STPM [341 jam]). Manakala tempoh maksimum yang boleh dicapai oleh pelajar adalah 3534 jam (Rendah Kebangsaan & Agama [720 jam] + SABK/SMAN/SMAR/SMAS [1764 jam] + Diploma [1050 jam]). Dan sekiranya senarai tahap kesukaran pembelajaran bahasa yang dikeluarkan oleh *Foreign Service Institute* (FSI) dijadikan piawai, gabungan tempoh maksimum bagi pembelajaran bahasa Arab di ketiga-tiga peringkat boleh dicapai dan melepasi tahap yang disyorkan (2200 jam pertemuan) (AR Zaini, 2015).

Tanggapan masyarakat umum yang mengaitkan kelemahan menguasai bahasa Arab dengan tahun pengajian berkemungkinan terbina tanpa asas. Kenyataan “belajar bahasa Arab selama 12 tahun namun masih tidak mampu menguasai bahasa tersebut” merupakan persepsi yang kurang tepat dan hanya meletakkan masalah di bahu pelajar semata-mata. Tidak semua pelajar yang mempelajari bahasa Arab melengkapkan tempoh pembelajarannya selama 12 tahun dan ke atas secara berterusan. Kajian AR Zaini (2015) mendapati hanya 33.6 % sahaja daripada jumlah pelajar yang mempelajari bahasa Arab melepasi tempoh tersebut. Manakala majoriti pelajar mempelajari bahasa Arab kurang daripada tempoh yang dinyatakan. Tuntutan jam pembelajaran minimum yang dibincangkan, hanya boleh dicapai dengan gabungan beberapa sistem pembelajaran yang ada di Malaysia.

2.3 Masalah pengajaran bahasa Arab di Malaysia

Berdasarkan penelitian yang dilakukan ke atas kajian-kajian lalu, beberapa masalah yang dikenal pasti dalam pengajaran bahasa Arab adalah pengajaran berpusatkan guru (Rosni Samah, 2009), pendekatan nahu terjemahan (Ab. Gani Jalil, 1993, Rosni Samah, 2009), penggunaan bahan bantu mengajar (Ab. Gani Jalil, 1993, Rosni Samah, 2009, Rahimi Md. Saad et al.) , kekurangan bahan bacaan tambahan (Rosni Samah, 2009), kekurangan aktiviti (Ab. Gani Jalil, 1993, Rosni Samah, 2009), kekurangan komunikasi (Rosni Samah, 2009), persekitaran (Azman Che Mat dan Goh Ying

Soon, 2010, Nik Rahimi, Kamarulzaman dan Zawawi, 2006, Kamarudin, 2000, Ab. Gani Jalil, 1993), dan motivasi (Rosni Samah, 2012).

Sekiranya maklumat ini diteliti, permasalahan yang dihadapi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia adalah berkait dengan faktor guru. Guru dilihat faktor penting yang mampu menyelesaikan masalah-masalah tersebut seterusnya menambahbaik PdP bahasa Arab di Malaysia. Walaupun tidak semua guru bahasa Arab di Malaysia memiliki latar belakang pendidikan bahasa Arab yang khusus (M. Amarudin Shuheb, 2016), namun latihan yang baik mampu menjadikan mereka kompeten dan berkeupayaan serta kreatif dalam penyampaian. Oleh yang demikian, permasalahan pengajaran dalam kajian ini wajar diberi tumpuan kepada faktor guru.

Kaedah pengajaran bahasa yang lebih interaktif dan kontemporari menggunakan pelbagai kemudahan teknologi laman web serta gajet yang ada dapat meningkatkan minat masyarakat bagi mempelajari bahasa Arab. Kebijaksanaan guru yang mengajar bahasa ini amatlah diperlukan supaya pembelajaran bahasa Arab tidak dianggap membuang masa, membosankan dan terlalu terikat kepada pembelajaran tatabahasa semata-mata (Muhammad Sabri, 2015).

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang dijalankan untuk meninjau permasalahan yang dihadapi oleh guru dalam pengajaran bahasa Arab di Malaysia. Permasalahan dan cabaran yang dihadapi oleh guru dalam pengajaran bahasa Arab dikumpul dan dinilai menerusi kajian-kajian lampau seperti jurnal, artikel mahupun buku.

4.0 PERMASALAHAN DAN CABARAN PENDIDIKAN BAHASA ARAB DI

MALAYSIA

4.1 Permasalahan

Berdasarkan dapatan yang diperolehi dalam kajian-kajian lalu, banyak masalah dikenalpasti. Kajian ini berusaha meneliti permasalahan yang dihadapi oleh pihak guru dalam pengajaran bahasa Arab kerana ia merupakan faktor penting seperti dibincangkan.

4.1.1 Faktor Guru – Kompetensi, Pedagogi dan Motivasi

i. Kompetensi

Guru merupakan faktor penting dalam proses PdP khususnya dalam pendidikan bahasa Arab. Kemodenan dan kepesatan dunia pendidikan hari ini masih memerlukan elemen guru dalam pendidikan. Guru merupakan elemen terpenting dalam proses PdP (Azman Che Mat dan Goh Ying Soon, 2010). Dalam konteks pengajaran bahasa, guru mempunyai keutamaan untuk membangunkan pengetahuan dan kemahiran berbahasanya. Pengetahuan yang mendalam tentang bahasa perlu diseimbangkan dengan kemahiran menggunakannya.

Menurut Jefridin Pilus 2002 (dalam Azman Che Mat dan Goh Ying Soon, 2010) guru-guru bahasa sebenarnya masih kurang pengetahuan dalam memahami pendekatan pengajaran komunikatif dan kemahiran-kemahiran lain. Guru seharusnya bersedia dan melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang cukup sebelum menjalankan tanggungjawab sebagai seorang pendidik. Apabila tahap kesediaan mengajar seseorang guru itu cukup, ia sangat membantu guru tersebut dalam membina keyakinan diri ketika melaksanakan pengajaran. Sebaliknya, sekiranya persediaan seorang guru itu terhad, ini boleh menimbulkan beberapa masalah yang mengakibatkan objektif pengajaran dan pembelajaran sukar untuk dicapai (Robiah Sidin, 2000; Anisah, 2005).

Dalam konteks pengajaran bahasa Arab di Malaysia, dua prinsip yang perlu diperhalusi adalah pengajaran tentang bahasa atau pengajaran bahasa. Sekiranya diperhalusi objektif dan matlamat pembelajaran bahasa Arab khususnya di Malaysia, maka jelaslah bahawa penekanan terhadap aspek komunikasi dan gunaan adalah menjadi keutamaan.

Tidak dapat dipastikan secara tepat kemampuan dan kemahiran berbahasa dalam kalangan guru-guru bahasa Arab khususnya di Malaysia. Sehingga kajian ini dijalankan, instrumen bagi tujuan pengukuran tahap kompetensi guru dalam bahasa Arab juga tidak dapat dikenalpasti. Namun beberapa kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa kemampuan dan keupayaan guru dikatakan terhad dan terbatas. Malah ia turut dianggap penyebab kepada kelemahan penguasaan bahasa Arab pelajar meskipun tempoh pembelajaran mencukupi (Kamarul Shukri & Mohd Hazli, 2008).

Di antara faktor yang menyumbang kepada permasalahan ini adalah soal opsyen guru. Permasalahan pengajaran mungkin timbul apabila guru tersebut merupakan guru bukan opsyen atau guru baharu yang kurang berpengalaman. Mereka tidak berkeupayaan dan tidak mempunyai ilmu pengetahuan yang tepat mengenai kaedah pengajaran yang sebenar, begitu juga mempunyai kemahiran berbahasa yang terhad (Ee Ah Meng, 2005). Walau bagaimanapun, guru-guru yang berpengalaman juga turut dilaporkan tidak berkeupayaan kerana kurang mendapat latihan dalam pengajaran subjek ini (Ab. Gani Jalil, 1993).

Opsyen pengajian guru merupakan satu elemen penting dalam menjamin kualiti guru bahasa Arab. Bagi seseorang guru bahasa Arab, opsyen pengajiannya mestilah bahasa Arab kerana guru berkualiti dan berkemahiran bahasa yang baik perlu berpengetahuan lengkap tentang bahasa yang merangkumi aspek morfologi, sintaksis, retorik dan kemahiran (Nazri Atoh, Saipolbahrin, Mohd Zawawi, 2014).

Namun realitinya, kewujudan guru bukan opsyen dalam sistem pendidikan bahasa Arab pastinya tidak dapat ditangani secara total. Soal kekurangan graduan bahasa Arab dan isu-isu lain yang mendesak, menuntut perancangan yang mantap dalam usaha meningkatkan kemahiran dan keterampilan guru-guru sedia ada dan guru-guru bukan opsyen yang baharu bagi menghadapi cabaran ini.

Oleh yang demikian, keupayaan seseorang guru itu dari sudut pengetahuan dan kemahiran berbahasa Arab sangat penting. Isu guru opsyen dan guru bukan opsyen bukan suatu masalah sekiranya guru yang terlibat dalam pengajaran bahasa Arab mempunyai pengetahuan dan kemahiran tinggi dalam penggunaannya. Bahasa Arab perlu dilihat dari sudut kemahiran dan bukan pengetahuan semata-mata.

ii. Pedagogi

Kaedah pengajaran merupakan perantara penting dalam mencapai sesuatu objektif pembelajaran. Dalam penyampaian sesuatu pengajaran khususnya pengajaran bahasa Arab, penggunaan kaedah yang sesuai dan menarik dilihat sangat penting. Ini membantu para pelajar untuk menguasai bahasa Arab dengan lebih berkesan (Wan Azura & Lubna Abd Rahman, 2006) dan pengajaran yang berkualiti terhasil daripada guru yang berkeupayaan mengaplikasikan ilmu pedagogi iaitu ilmu mengajar secara saintifik dalam pendidikan formal (Mohammad Abdillah, Miss Asma & Zamri Arifin, 2014)

Realitinya, tahap penerapan pedagogi yang berkesan dalam proses PdP bahasa Arab masih menjadi perdebatan. Menurut Mohammad Sani Ibrahim (2002), tahap pengetahuan dan kemahiran guru dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab bagi sekolah Bestari didapati berada pada tahap yang rendah. Dalam kajian lain, amalan guru bahasa Arab komunikasi di SMKA dan KAA khususnya di daerah Kuala Pilah dan Tampin, Negeri Sembilan dilaporkan berada pada tahap sederhana (Mohd Sufian, 2005 dalam Al-Muslim Mustapa et. Al, 2012).

Selain itu, permasalahan dalam pengajaran bahasa Arab yang berlaku dikatakan berpunca daripada kekurangan kemahiran dalam mempelbagaikan teknik pengajaran. Ia juga berpunca daripada

kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru tidak tepat, kurang sesuai dan kurang berkesan (Ishak Mohd Rejab, 1992) . Sebahagian guru dilapor mempunyai pengetahuan yang terhad dalam memahami pendekatan pengajaran komunikasi dan kemahiran bahasa yang sesuai (Jefferdin, 2002)

Kekurangan pengetahuan berkaitan pedagogi pengajaran yang pelbagai dan berkesan mendorong guru untuk mengajar dengan berpusatkan diri mereka. Guru juga terkesan dengan pengajaran dan pembelajaran masa lampau yang memberi pemusatan pada guru. Malah, ada di antara mereka yang beranggapan para pelajar tidak berkemampuan dan tidak berkemahiran dalam memahami sesebuah teks. Justeru terjemahan digunakan bagi memahamkan pelajar tentang kandungan matapelajaran. Sebaliknya, proses pengajaran yang berpusatkan pelajar dilihat mampu menjadikan pelajar lebih aktif dan sedia menyertai aktiviti dalam darjah yang dipersembahkan (Rosni Samah, 2009).

Ramai dalam kalangan guru bahasa Arab mempunyai kecenderungan menggunakan kaedah nahu terjemahan (Ab. Gani Jalil, 1993, Sohair Abdel Moneim Sery, 1990). Amalan ini memberikan ruang kepada guru tersebut untuk menggunakan bahasa Melayu sewaktu pengajaran bahasa Arab berlangsung (Ab. Gani Jalil, 1993). Malah, guru merasakan teknik yang paling mudah untuk memahamkan para pelajarnya adalah dengan menggunakan teknik terjemahan teks dan kaedah ini dipraktikkan hampir di semua peringkat pengajian samada di sekolah mahupun di institusi pengajian tinggi (Rosni Samah, 2009).

Walaupun guru mempunyai kefahaman positif terhadap pendekatan komunikasi dalam pembelajaran bahasa Arab, namun pengajaran yang berorientasikan peperiksaan menjadi halangan kepada penerapan pendekatan ini dalam pengajarannya. Walaupun pelaksanaannya dilaporkan lemah dalam beberapa kajian, namun ia tetap positif di mana ramai dalam kalangan guru berharap ia dapat dilaksanakan (al-Muslim Mustapa, Zamri Arifin, 2012).

Perkara-perkara ini perlulah diambil perhatian kerana, kualiti seorang guru itu memberi kesan terhadap pencapaian pelajarnya. Oleh yang demikian, para guru bahasa Arab perlulah mengubah gaya amalan mereka menjadi lebih efektif dan interaktif dalam menyampaikan dan melaksanakan pengajaran bahasa.

iii. Motivasi

Guru merupakan orang dewasa yang sedar akan tanggungjawab mendidik, mengajar dan membimbing pelajarnya. Guru berperanan merancang, menata dan mengelola kelas agar pelajar dapat dididik dan akhirnya mampu mencapai tujuan akhir dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Justeru, motivasi guru adalah unsur penting dalam sistem pendidikan formal.

Motivasi guru adalah suatu bentuk keazaman, kesungguhan serta kesedaran guru terhadap profesion mereka. Ia merupakan faktor dalaman yang penting dan mampu meningkatkan potensi pelajar serta meningkatkan keyakinan mereka.

Perkara yang menjadi permasalahan dalam aspek motivasi guru bahasa Arab adalah kurangnya keyakinan dan kepercayaan terhadap pelajar mereka. Hal ini demikian kerana, mereka kerap menggunakan terjemahan sebagai metod pengajaran yang akhirnya menghasilkan pelajar yang bersifat pasif dan memberi kesan terhadap kompetensi guru tersebut (Rosni Samah, 2012). Oleh itu, para guru perlulah memikirkan teknik dan kaedah yang menarik serta mampu memberi kesan terhadap minat pelajar untuk terus mempelajari bahasa Arab. Para guru juga perlu peka dan cakna bahawa motivasi murid juga boleh turut terjejas apabila pengisian pembelajaran dilaksanakan dengan aktiviti yang tidak bermakna dan kurang merangsang (Mohammad Abdillah Samsuiman, Miss Asma Benjaman & Zamri Arifin, 2014).

4.1.2 Faktor Bahan Bantu Mengajar

Penggunaan bahan bantu mengajar merupakan komponen penting dalam pengajaran dan pembelajaran. Hiebert, Wearne dan Taber (1991) menyatakan bahawa penggunaan media dan alat

pandang dengar dapat menyumbang kepada pengajaran yang lebih menarik dan dapat menimbulkan minat pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran. Selain itu, penggunaan bahan bantu mengajar dapat memperjelaskan pengajaran guru dan berupaya menambahkan kelancaran pengajaran mereka (Kamaruddin Hj. Husin, 1995). Misalnya jika komputer dapat digunakan secara sistematik dan berkesan oleh guru, maka ia akan mampu menyelesaikan sebarang masalah pengajaran dan pembelajaran. Ini selaras dengan pandangan Heinich (1993) yang mengatakan bahawa komputer dapat memperkayakan teknik pengajaran.

Dalam konteks ini, permasalahan pengajaran berlaku apabila guru kurang mahir dalam menggunakan bahan bantu mengajar yang telah disediakan (Rosni Samah, 2012, Ab. Gani Jalil, 1993) dan kegagalan dalam mengguna pakai dan memanfaatkan teknologi juga salah satu faktor permasalahan pengajaran dalam bahasa Arab untuk dilaksanakan secara menarik, efektif dan berkesan (Rahimi Md. Saad et al. t.t). Realitinya, memang tidak dapat dinafikan bahawa, bahan bantu mengajar yang sering diguna pakai oleh para guru dalam menerangkan pengajaran mereka adalah papan sahaja. Malah, penggunaan makmal bahasa yang ditubuhkan sebagai pusat untuk menguasai bahasa juga tidak digunakan secara optimum. Sama juga keadaannya dengan penggunaan alat-alat ICT yang lain seperti TV, kaset, VCD dan LCD (Rosni bin Samah, 2009, 2012).

Para pelajar, pada hakikatnya berasa kurang yakin untuk menggunakan perbendaharaan kata yang telah dipelajari kerana nada dan bunyi yang dikeluarkan atau disebutkan oleh mereka itu hanya difahami oleh guru-guru mereka sahaja (Azman Che Mat dan Goh Ying Soon, 2010). Tidak dinafikan, penggunaan alat-alat ICT sebenarnya sangat penting dan diperlukan dalam memahirkan kemahiran mendengar pelajar. Malah, pelajar akan cuba memahami perkataan yang mereka dengar dan akan cuba menggunakan bahasa tersebut (Rosni bin Samah, 2012). Oleh yang demikian, bahan bantu mengajar ini sangat penting digunakan oleh para guru agar pelajar-pelajar mereka dapat menguasai dan mempelajarinya sendiri.

4.1.3 Faktor Persekitaran

Persekitaran juga memberi impak dan kesan dalam permasalahan pengajaran bahasa Arab. Malah, turut dilaporkan kemerosotan subjek pelajaran bahasa Arab adalah berpunca dari aspek persekitaran itu sendiri. Berdasarkan kajian lampau yang dipetik daripada Zawawi 2001, (dalam Azman Che Mat dan Goh Ying Soon, 2010) majoriti pelajar beranggapan bahawa bahasa Arab itu merupakan bahasa asing dan penggunaannya dalam masyarakat tidak meluas. Ini menyebabkan pelajar-pelajar yang mempelajari bahasa Arab tidak berkemampuan dan tidak berkebolehan dalam menutur bahasa Arab (Azman Che Mat dan Goh Ying Soon, 2010).

Tidak dapat dinafikan bahawa, persekitaran bahasa yang dibina di Malaysia tidak menyeluruh dan hanya dihadkan kepada kawasan-kawasan tertentu sahaja (Nik Mohd Rahimi, 1998). Selain itu, para guru juga didapati tidak mempraktikkan dan menggunakan bahasa Arab ketika menjalankan proses PdP dalam kelas (Nik Rahimi, Kamarulzaman dan Zawawi, 2006, Kamarudin, 2000, Ab. Gani Jalil, 1993). Sedangkan, sekiranya para guru sentiasa mengamalkan penuturan bahasa Arab yang berterusan ia secara langsung memberi kesan yang positif terhadap para pelajar (Ghazali Yusri et al, 2010).

Hakikatnya, persekitaran yang 'hidup' dengan suasana bahasa Arab itu sendiri sangat penting dalam mewujudkan suasana pembelajaran aktif dalam kalangan pelajar (Kamaruddin, 1997). Selain itu, ia dapat meningkatkan kemahiran sosial pelajar terutama dalam menguasai dan memperoleh bahasa Arab. Sekiranya, persekitaran ini dapat dibentuk, sudah tentu matlamat pengajaran dapat dicapai dengan sempurna.

4.2 Cabaran

4.2.1 Pembelajaran Bahasa Arab Sebagai Bahasa Asing

Sedar atau tidak, pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia perlu berteraskan kepada pembelajaran bahasa asing seperti termaktub dalam Akta Pendidikan 1996. Status Bahasa Arab sebagai bahasa asing memberikan implikasi sangat besar dalam pelaksanaan PdP Bahasa Arab di sekolah-sekolah aliran perdana.

Antara implikasi paling nyata adalah pelajar tidak diwajibkan mengambilnya dan tidak diwajibkan lulus dalam peperiksaan (Awatif et.al, 2017). Perkara ini menjadikan tumpuan terhadap matapelajaran ini agak rendah. Pernah juga direkodkan bahawa sekumpulan pelajar dari salah sebuah sekolah agama tersohor mengemukakan memorandum agar matapelajaran Bahasa Arab ini digugur daripada matapelajaran SPM yang perlu diambil di sekolah tersebut. Ini merupakan satu cabaran paling besar dalam pelaksanaan pengajaran matapelajaran Bahasa Arab di peringkat sekolah.

Kedudukan bahasa Arab sebagai bahasa asing pastinya memberi kesan kepada pengajarannya. Ia melibatkan banyak perkara seperti masa pengajaran, kandungan matapelajaran, teknik penyampaian dan sebagainya. Sebagai contoh, dari sudut kandungan, aspek balaghah dalam sukatan wajar dikaji semula. Aspek balaghah mungkin kurang sesuai bagi pembelajaran Bahasa Arab sebagai Bahasa asing. Pelaksanaan Bahasa Arab Komunikasi (gubalan tahun 1989) dan Bahasa Arab Tinggi (gubalan tahun 1990) yang pernah dilaksanakan suatu ketika dahulu kelihatan relevan dan bersesuaian dengan status Bahasa Arab sebagai bahasa asing.

Bahasa Arab Komunikasi yang ditawarkan di sekolah menengah bermatlamat kepada membolehkan murid menguasai kemahiran-kemahiran berbahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Ia jelas bertepatan dengan objektif pembelajaran bahasa asing. Manakala Bahasa Arab Tinggi pula ditawarkan di peringkat menengah atas dengan matlamat memberi ruang untuk menghargai dan memartabatkan Bahasa Arab sebagai bahasa al-Qur'an al-Karim dan bahasa ilmu untuk menguasai maklumat, dan kemahiran berbahasa supaya dapat memahami teks dan bahan-bahan rujukan Arab dalam pelbagai situasi (Awatif et.al, 2017). Matapelajaran ini boleh memberikan alternatif bagi mereka yang ingin mempelajarinya sebagai bahasa kedua atau untuk tujuan menyambung pengajian dalam bidang Bahasa Arab dan pengajian Islam.

4.2.2 Subjek Tidak Wajib Lulus dan Implikasi Pada Tumpuan Pelajar

Status bahasa Arab sebagai bahasa asing sudah pasti mempunyai implikasi dari sudut penumpuan. Bahasa Arab sebagai bahasa asing boleh diadakan jika didapati munasabah dan praktik berbuat sedemikian (Akta Pendidikan 1996) dan pelajar tidak diwajibkan mengambilnya dan tidak diwajibkan lulus dalam peperiksaan (Awatif et.al, 2017).

Jika dilihat dari sudut yang positif, situasi ini wajar dimanfaatkan dengan sebaik mungkin. Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab perlu diberikan tumpuan kepada berfokus kepada objektif dan bukan berorientasikan peperiksaan (*exam-oriented*). Usaha ini menuntut kreativiti guru dan sememangnya kompetensi guru perlu berada di tahap yang terbaik.

Pelaksanaan PdP Bahasa Arab tidak seharusnya tertumpu kepada usaha menghabiskan silibus semata-mata. PdP Bahasa Arab perlu kepada kreativiti dan inovasi serta mampu menarik minat murid. Penuntut perlu disedarkan dengan kepentingan mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa jatidiri. Di Malaysia, bahasa Arab adalah bahasa jatidiri pelajar muslim.

4.2.3 Menyediakan Guru Berkompetensi

Guru merupakan elemen paling penting dalam merealisasikan usaha memartabatkan penggunaan Bahasa Arab di Malaysia. Dalam ketiadaan faktor persekitaran, bahan pengajaran yang baik, alat bantu mengajar yang sesuai dan beberapa faktor lain, guru merupakan talian hayat yang mampu menggalas cabaran memartabatkan penyebaran dan penggunaan Bahasa Arab di Malaysia. Justeru, usaha menyediakan guru yang benar-benar kompeten juga merupakan satu cabaran.

Berdasarkan kajian yang dijalankan ke atas lima aspek kompetensi guru yang dikaji mendapati tahap kompetensi guru berada pada tahap tinggi bagi kompetensi Pedagogi dan kompetensi Profesionalisme. Dapatan juga mendapati bahawa tahap kompetensi guru bagi kompetensi Penilaian, Kurikulum dan Bahasa berada pada tahap kurang kompeten (AR Zaini et.al, 2017).

Tidak dapat dinafikan bahawa guru mempunyai tahap kompetensi yang tinggi dari sudut pedagogi dan profesionalisme. Latihan perguruan yang dibekalkan oleh pihak KPM dianggap sangat berjaya dalam melahirkan guru yang berpengetahuan tinggi dalam profesion keguruan. Namun dari sudut pelaksanaan pengajaran Bahasa Arab, maka aspek ini menuntut komitmen dari semua pihak yang terlibat. Penggunaan Bahasa Arab sebagai medium pengajaran masih belum mampu dilaksanakan sepenuhnya dan penilaian serta pentaksiran pelajar masih bergantung pada penilaian berasaskan peperiksaan (*exam oriented*). Ini merupakan cabaran yang perlu diberikan perhatian oleh semua pihak, bukan sahaja guru, malah semua institusi dan pihak-pihak yang berkaitan.

4.2.4 Mewujudkan Persekitaran

Antara cabaran besar yang perlu dimainkan oleh pihak-pihak berkepentingan termasuk guru adalah mewujudkan medium penyampaian berbahasa Arab. Guru bahasa Arab samada yang opsyen mahupun bukan opsyen mempunyai peranan dan tanggungjawab besar dalam mewujudkan suasana tersebut. Nazri Atoh, Saipolbahrin & Mohd Zawawi (2014) mencadangkan penggunaan sekurang-kurangnya 80 % bahasa Arab dalam darjah adalah diperlukan memandangkan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia dikategorikan sebagai bahasa asing dalam sistem pendidikannya. Pendidikan di peringkat rendah wajar dijadikan medan mempraktikkan bahasa Arab agar bahasa ini dipelajari kerana ia diminati dan sebagai alat komunikasi.

Terma yang digunakan oleh Gass & Selinker (1994) dalam menjelaskan istilah bahasa asing sememangnya bertepatan dengan konteks pendidikan bahasa Arab di Malaysia. Bahasa Arab di Malaysia dipelajari dalam suasana penggunaan yang amat terhad. Di Malaysia, Bahasa Melayu diberikan kedudukan istimewa sebagai bahasa rasmi kebangsaan, manakala bahasa Inggeris diberikan kedudukan sebagai bahasa kedua yang mendapat perhatian khusus pemerintah dalam konteks negara (Zulkifley, 1994). Tidak dapat dinafikan penggunaan bahasa Inggeris lebih meluas berbanding bahasa lain seperti bahasa Arab, namun bahasa Arab perlu menjadi sekurang-kurangnya sama taraf dengan Mandarin dan Tamil. Menjadi bahasa yang digunakan dalam kalangan komuniti Melayu Islam sebagai bahasa bangsa dan bahasa jatidiri. Inilah cabaran paling besar yang perlu diharungi oleh semua pihak.

4.2.5 Bahasa Istimewa

Bahasa Arab sering dilaungkan sebagai bahasa istimewa. Namun pada hakikatnya, dalam konteks di Malaysia, frasa ini masih menjadi retorik. Bahasa ini masih bergelut dengan isu penerimaan masyarakat muslim dan isu-isu keupayaan pelajar menguasainya sebagai bahasa perhubungan.

Berdasarkan data bagi tahun 2018, jumlah pelajar yang mengikuti pengajian di peringkat menengah adalah seramai 1,975,000 orang pelajar. Daripada jumlah keseluruhan ini, hanya 150,000 orang murid sahaja yang mengambil matapelajaran bahasa Arab. Berdasarkan pecahan, 125,000 orang pelajar daripada SMKA dan SABK, manakala selebihnya berjumlah 15,000 orang pelajar adalah daripada aliran Kelasa Aliran Agama (KAA). Jika data ini diteliti, peratusan pelajar sekolah menengah yang mempelajari bahasa Arab di Malaysia hanya berlegar sekitar 7.6 % (Bahagian Pendidikan Islam, KPM).

Inilah cabaran utama pendidikan bahasa Arab di Malaysia. Bahasa Arab yang dilihat sebagai istimewa, hanya dipelajari oleh 7.6 % dari keseluruhan pelajar sahaja. Walaupun peratusan ini adalah peratusan keseluruhan tanpa mengambil kira faktor demografi lain, namun ia nyata peratusan yang sangat rendah.

5.0 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, isu permasalahan guru dalam pengajaran bahasa Arab di Malaysia ini bukanlah suatu perkara yang asing. Banyak kajian yang telah dijalankan membincangkan perkara ini. Permasalahan ini menuntut perhatian berterusan dari semua dan ia perlu diurus dan dicermati dengan baik. Guru yang mengajar bahasa Arab perlu sedar dan prihatin terhadap isu yang berlaku serta berusaha mencari jalan penyelesaian bagi permasalahan ini dari masa ke semasa.

Semua pihak perlu sedar akan cabaran yang dihadapi. Keistimewaan bahasa Arab yang sering kedengaran tidak seharusnya menjadi retorik yang menghentikan usaha mengangkat kedudukannya. Bahasa ini perlu melalui proses "penjenamaan semula" agar ia terus relevan serta seimbang dari sudut kedudukan dan penerimaan.

Kajian ini mencadangkan beberapa tumpuan diberikan dalam penyelidikan akan datang antaranya kedudukan bahasa Arab dalam sistem pendidikan di Malaysia, memperluas penggunaan bahasa Arab dan menilai penerimaan masyarakat awam terhadap bahasa ulung ini.

RUJUKAN

- Ab. Gani Jalil. (1993). *Masalah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Terendak*. Tesis (Sarjana Pendidikan). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Razif Zaini, Noorshamsinar Zakaria, Hasmadi Hamdan, Muhammad Redzaudin Ghazali, Mohd Rufian Ismail. (2017). *Kompetensi Guru Dalam Pengajaran Bahasa Arab Di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS):Bangi
- Awatif Abdul Rahman, Siti Nurhajariah Md Isa, Norfaezah Mohd Hamidin dan Idi Hamdi. (2017). *Pendidikan Bahasa Arab Di Peringkat Prasekolah: Satu Tinjauan Awal* <http://conference.kuis.edu.my/pasak2017/images/prosiding/pendidikan/25-AWATIF.pdf>
- Aziah, I., Noraini, H., & Abdul Ghani, K. (2013). *Amalan Pembangunan Profesionalisme Dalam Kalangan Guru-Guru Novis*. *Journal of Chemical Information and Modeling*, 53, 1689–1699. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Azizah Lebai Nordin (1999). *Guru Pendidikan Islam yang Berkesan*. Masalah Pendidikan. Jilid 22. Kula Lumpur : Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya
- Azman Che Mat, Goh Ying Soon. (2010). *Situasi pembelajaran bahasa asing di Institut Pengajian Tinggi : perbandingan antara bahasa Arab, bahasa Mandarin dan bahasa Perancis*, AJTLHE Vol. 2, No. 2, July 2010, 9-20, Universiti Teknologi MARA, Malaysia.
- Al-Muslim Mustapa, Prof. Madya Dr. Zamri Arifin. (2012). *Pen`gajaran dan pembelajaran bahasa Arab: satu tinjauan literatur di Negeri Sembilan*. Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012(PKEBAR'12), Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi & Parilah M. Shah. (2010). *Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Kemahiran Lisan Bahasa Arab Di Universiti Teknologi MARA (UiTM)*. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*. Volume 10(3) 2010: 15- 33
- Heinich, R. (1993). *The use of computers in education: A response to streibel*. ETCJ, Vol.36.

- Ishak Mohd Rejab. (1992). *Masalah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Dlm. Ismail
- Kamaruddin Hj Husin. (1995). *Pedagogi Bahasa (Perkaedahan)*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kamaruddin Hj Husin. (1997). *Pedagogi Bahasa (Perkaedahan)*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Mohammad Abdillah Samsuiman, Miss Asma Benjaman & Zamri Arifin (2014). *Hubungan Antara Kualiti Guru Bahasa Arab Dan Kecenderungan Minat Pelajar Dalam Bahasa Arab*. Jurnal Kemanusiaan Bil. 22. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Syukri Abd Rahman et al. (n.d). *Penilaian Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Sijil Menengah Agama (SMA) Kurikulum Al-Azhar di Sekolah-Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di Negeri Selangor*. .219-240.
- Muhammad Sabri Sahrir. (2015). *Bahasa Arab tembusi pengajian formal di sekolah, universiti*. Berita Harian, Rabu, 23 Sept 2015.
- Nazri Atoh, Saipolbahrin Hj. Ramli, & Mohd Zawawi Ag. Hamat, (2014). *Guru Bahasa Arab Yang Berkualiti: Satu Tinjauan*. Prosiding Seminar Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2014, Fakulti Pengajian Islam, UKM & Fakulti Kontemporari Islam, UNISZA.
- Nemati, A. (2011). *Proficiency and Size of Receptive Vocabulary: Comparing EFL and ESL Environments*. Crown Research in Education , 11-17.
- Rahimi, M. S., Zawawi, I., Wan Nordin, W. A., (t.t). *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Berasaskan Web*.
- Robiah Sidin. (2000). *Inovasi kaedah pengajaran: Pengalaman di Universiti Kebangsaan Malaysia*. Prosiding National Cotzference on Teaching anclLearning in Higher Education, Oktober 9- 10, Universiti Utara Malaysia.
- Rosni Samah. (2009). *Isu Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Rosni Samah. (2012). *Isu Pembelajaran Bahasa Arab*. Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR '12), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sohair Abdel Moneim Sery. (1990). *Satu Tinjauan Tentang Masalah-Masalah Pengajaran Mata Pelajaran Bahasa Arab di Sekolah-Sekolah Menengah Agama di Malaysia*. Tesis (Sarjana Pendidikan). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Azura dan Lubna Abd Rahman. (2005). *Pendekatan dan Strategi Efektif dalam Penguasaan Bahasa Arab*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia